

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 January 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2026 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus aims to maximise medium-to-long term returns by investing in Shariah-compliant equities, sukuk and Islamic money market instruments through Takafulink funds and Islamic collective investment schemes (CIS).

Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui dana-dana Takafulink dan skim-skim pelaburan kolektif Islam (CIS).

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan Prudential BSN Takaful Berhad

Inception Date / Tarikh Diterbitkan 01/12/2006

Current Fund Size / Saiz Dana Terkini RM730,990,160.62


Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan 1.30% per annum

Current NAV / NAB Terkini RM2.54510

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana

Takafulink Dana Urus Vs. 80% FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index (FBMS) + 20% Maybank 12-month Islamic Fixed Deposit-i rate




Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	1.15%	2.05%	5.66%	7.55%	15.49%	10.96%	154.51%
Benchmark / Penanda Aras	1.22%	1.29%	5.89%	4.24%	10.58%	-0.89%	72.98%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-0.07%	0.76%	-0.23%	3.31%	4.91%	11.85%	81.53%

Source / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 31 January 2026

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	64.13
2 Takafulink Dana Sukuk	20.47
3 United-i Malaysia Equity Fund	11.62
4 United-i Malaysia Discovery Fund	4.48
5 Cash, Deposits & Others	-0.70

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	9.45
2 Press Metal Berhad	6.62
3 Telekom Malaysia Berhad	6.49
4 IHH Healthcare Berhad SD	6.22
5 Guthrie Berhad	5.72
6 Gamuda Berhad	5.45
7 PETRONAS Gas Berhad	4.72
8 Malayan Cement Berhad	3.79
9 Sunway Berhad	2.69
10 IJM Corp Berhad	2.52

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Infracap Resources S B	2.93
2 Sarawak Energy Berhad	2.64
3 DanaInfra Nasional*	2.35
4 AEON Credit Service (M)	2.12
5 SP Setia Berhad	2.00
6 Gamuda Berhad	1.82
7 Edra Energy Sdn Bhd	1.62
8 PONS Capital Berhad	1.60
9 Eco World Perpetual	1.57
10 DanaInfra Nasional*	1.50

* Different coupon rates & maturity dates for each.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 January 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2026 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equity Market Review

Malaysian equities started 2026 on a strong footing supported by policy optimism, improving macro signals, foreign inflows of RM 1.05bn, a stronger ringgit (+3.33% to RM3.9237/US\$1), and higher market liquidity. Sentiment was lifted by Malaysian Prime Minister Datuk Anwar Ibrahim's New Year 2026 address, which emphasised governance reforms, stronger execution, and near-term economic support, alongside better-than-expected 4Q25 advance GDP growth of 5.7%. Geopolitical tensions were also high at the start of January as the US carried out a large-scale strike against Venezuela on 3 Jan 2026, which ended with the "capture" of President Nicolas Maduro and his wife, who were flown out of the country to face charges in the US. Then soon after, the US made overtures to take over Greenland, which was faced by opposition from other NATO allies. Thankfully the tensions de-escalated after pressure from Europe. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 12,275.32, up 1.48% mom. The FBM Small Cap Shariah index was up 0.78% for the month and underperformed the FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

Geopolitical tensions remain in focus as talk outcomes between the US and Iran remain uncertain and could potentially escalate with any misstep. This is on top of the ongoing conflicts between Ukraine and Russia, in Gaza, and just coming out of the US threatening to take over Greenland. These remain part of the external headwinds that could potentially impact Malaysia's growth. There was a bit of contagion effect from MSCI warning Indonesia to improve their free float and transparency of shareholding data or risk being classified as a frontier market. This seems to be specific to Indonesia stemming from concerns over tightly held shares and limited transparency. Domestically, Malaysia is in a favourable position with relatively stable politics compared to some of our other ASEAN peers. Malaysia's GDP growth expectations for 2026 remains robust with official forecasts at 4-4.5%, whilst many economists expect it to land at the higher end of the range. The economy continues to be supported by the FDI being realized, domestic direct investments, strong construction activities, solid consumption growth, and robust tourism activities. Consumption will be aided by another SARA RM100 cash aid in mid-February 2026, for Malaysians 18 years of age and above. 2026 will also be a year of sporting events such as the 2026 FIFA World Cup to be held 11 June – 19 July 2026 in the USA, Canada and Mexico. Commonwealth Games will be held 23 July – 2 Aug in Scotland, and the Asian Games will be held in Japan 19 Sept – 4 Oct. We remain cautiously optimistic about the outlook for equities in 2026, keeping in mind the potential external headwinds. Nevertheless, we see any market weakness as opportunities to accumulate fundamentally strong stocks at attractive valuations.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 1.15% for the month, underperforming the benchmark return of 1.22% by 0.07%. The underperformance in Jan was mainly due to the underperformance in the equity portion against its benchmark.

Ekuiti Tinjauan Bulanan

Ekuiti Malaysia menyingkap tirai tahun 2026 dengan asas yang kukuh, disokong oleh dasar yang optimistik, isyarat makro yang bertambah baik, aliran masuk asing sebanyak RM1.05 bilion, ringgit yang lebih kukuh (+3.33% kepada RM3.9237/USD1), di samping kecairan pasaran yang tambah mengucur. Sentimen dirangsang oleh ucapan Tahun Baru 2026 Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menekankan pembaharuan tadbir urus, pelaksanaan yang lebih rapi, dan sokongan ekonomi jangka pendek, di samping pertumbuhan awal KDNK 4Q25 5.7% yang lebih baik daripada jangkaan. Ketegangan geopolitik juga terik pada awal Januari apabila AS bertalu-talu menyerang Venezuela pada 3 Januari 2026, berakhir dengan "penangkapan" Presiden Nicolas Maduro dan isterinya, yang diterbangkan keluar dari negara itu untuk berdepan pertuduhan di AS. Tidak lama kemudian, AS membuat tawaran untuk mengambil alih Greenland, namun ditentang sekutu NATO yang lain. Mujurlah ketegangan semakin reda susulan tekanan daripada Eropah. Indeks FBM Emas Shariah ditutup pada 12,275.32, naik 1.48% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Shariah menokok 0.78% pada bulan ini, tidak mengatasi Indeks FBM Emas Shariah.

Gambaran Bulanan

Ketegangan geopolitik kekal menjadi tumpuan memandangkan hasil perbincangan antara AS dan Iran masih tidak menentu dan mungkin menegang dengan sebarang kesilapan. Ia menokok kepada konflik berpanjangan antara Ukraine dan Rusia, di Gaza, dan baru sahaja terlepas dari ura-ura AS yang mengancam untuk mengambil alih Greenland. Hal tersebut masih menjadi sebahagian daripada halangan luaran yang boleh memberi kesan kepada pertumbuhan Malaysia. Terdapat sedikit kesan penularan daripada amaran MSCI terhadap Indonesia agar menambah baik apungan bebas dan ketelusan data pegangan saham atau berisiko diklasifikasikan sebagai pasaran sempadan. Hal yang nampaknya khusus kepada Indonesia berpunca daripada kebimbangan mengenai saham yang dipegang erat dan ketelusan yang samar. Di dalam negeri, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik dengan politik yang agak stabil berbanding beberapa rakan serantau ASEAN kita yang lain. Jangkaan pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tahun 2026 tetap kukuh dengan ramalan rasmi pada 4-4.5%, sementara ramai ahli ekonomi menjangkakan ia akan berada dalam julat yang lebih tinggi. Ekonomi terus disokong oleh FDI yang direalisasikan, pelaburan langsung domestik, kekukuhan aktiviti pembinaan, kemantapan pertumbuhan penggunaan, dan kerancakan aktiviti pelancongan. Penggunaan akan dibantu oleh satu lagi bantuan tunai SARA RM100 pada pertengahan Februari 2026, buat rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas. Tahun 2026 juga akan menjadi tahun acara sukan seperti Piala Dunia FIFA 2026 pada 11 Jun – 19 Julai 2026 di Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico. Sukan Komanwel akan berlangsung pada 23 Julai – 2 Ogos di Scotland, dan Sukan Asia akan diadakan di Jepun pada 19 Sept – 4 Okt. Kami kekal optimistik sambil berhati-hati tentang prospek ekuiti pada tahun 2026, dengan mengambil kira potensi halangan luaran. Walau bagaimanapun, kami berpandangan bahawa apa-apa kelemahan pasaran sebagai peluang untuk mengumpul stok yang secara asasnya kukuh pada penilaian yang menarik.

Pendapatan Tetap Tinjauan Bulanan

Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada 2.75% seperti yang diduga pada 22 Januari. Kenyataan itu menandakan pendekatan yang tidak tergesa-gesa untuk menegatkan dasar memandangkan prospek inflasi kekal stabil dengan bank pusat menekankan risiko penurunan berikutan ketegangan geopolitik dan mengakui bahawa asas pertumbuhan lebih kukuh. Anggaran awal KDNK 4Q2025 Malaysia menunjukkan pertumbuhan meningkat kepada 5.7%, lebih tinggi daripada anggaran konsensus dengan pertumbuhan sepanjang tahun di atas had sasaran rasmi Kementerian Kewangan sebanyak 4.8%. (3Q2025: 5.2%). Pengembangan ini disokong oleh keuntungan meluas di seluruh sektor utama, terutama sekali perkhidmatan, pembuatan, pembinaan dan pertanian. Inflasi Malaysia meningkat 1.6% YoY pada bulan Disember (November: 1.4%) didorong khususnya oleh harga barangan penjagaan diri, pendidikan dan kos berkaitan isi rumah tertentu yang lebih tinggi. Bagi setahun penuh, inflasi purata ialah 1.4% bagi tahun 2025, berkurangan daripada 1.8% bagi tahun 2024. Kadar yang lebih rendah ini disebabkan oleh peningkatan kos berkaitan perumahan, pengangkutan dan kesihatan yang lebih sederhana, di samping keberterusan penurunan harga maklumat & komunikasi. Inflasi keseluruhan meningkat 0.3% MoM, didorong oleh harga maklumat & komunikasi dan makanan & minuman yang lebih tinggi. Indeks Harga Pengeluar (PPI) Malaysia yang mengukur perubahan harga di peringkat pengeluar, terus susut 2.7% pada bulan Disember, selepas turun 1.8% pada bulan November. Penurunan ini disebabkan oleh penyusutan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan. Eksport negara meningkat 10.4% pada bulan

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 January 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2026 melainkan jika dinyatakan

Disember berbanding tahun sebelumnya kepada RM153.4 bilion yang jauh lebih tinggi daripada anggaran konsensus. Bagi setahun penuh 2025, eksport Malaysia meningkat 6.5% manakala import meningkat 6.2%, lalu menaikkan jumlah perdagangan sebanyak 6.3% kepada RM3.1 trilion dan menambah lebih tahunan sebanyak 9.2% kepada RM151.8 bilion. Pertumbuhan pada bulan Disember mencerminkan pertumbuhan meluas eksport domestik dan eksport semula. Pertumbuhan eksport berdasarkan produk, didorong oleh sektor elektrik dan elektronik. Indeks Pengeluaran Perindustrian ("IPI") meningkat 4.3% November 2025 (Okt: 6.0%) didorong oleh momentum positif di kesemua sektor, terutamanya pembuatan. Dari segi dasar, PM telah mengemukakan agenda pembaharuan kerajaan Madani dan menangani kebimbangan kos sara hidup semasa ucapan tahun baharunya. Beliau memberi panduan bahawa undang-undang untuk mengehadkan tempoh jawatan PM pada dua penggal akan dibentangkan tahun ini, di samping Rang Undang-Undang Ombudsman yang memperkukuh pengawasan sektor awam.

Gambaran Bulanan

Pengumuman anggaran awal KDNK negara bagi Q42025 ialah 5.7%, yang menunjukkan ekonomi berkemungkinan berkembang sebanyak 4.9% pada tahun 2025. Bagi tahun 2026, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada kadar yang stabil ~4%-4.5%, disokong oleh penggunaan, pelaburan dan eksport yang berdaya tahan, manakala inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara kira-kira 1.3% dan 2.0% pada tahun 2026 (ramalan BNM dan MoF). Kejelasan yang lebih baik didapati selepas OPR menetap pada 2.75% dengan kenyataan bank pusat mengekalkan pendirian dasar neutral yang menandakan penangguhan kadar yang berpanjangan buat masa ini. MPC menjangkakan momentum pertumbuhan domestik yang kukuh dari 2025 akan berterusan hingga 2026, manakala inflasi dijangka sederhana. Prestasi perdagangan yang lebih kukuh meneguhkan anggapan ini. Peristiwa penting pada bulan Februari termasuk pengumuman KDNK Q42025 pada 13 Februari, pengumuman CPI Januari pada 19 Februari dan data eksport pada 20 Februari. Penawaran bon kerajaan pada tahun 2026 dijangka akan kekal tinggi tetapi boleh diurus, dengan terbitan kasar MGS/MGII kira-kira RM183 bilion, profil 1H yang dimuatkan terlebih dahulu, dan kecenderungan yang lebih besar ke arah lelongan jangka pendek hingga pertengahan, manakala fleksibiliti terbitan (termasuk bil jangka pendek) mungkin akan dimanfaatkan untuk menyokong hasil jangka panjang dan mengurus volatiliti lengkung. Pada bulan Februari, akan ada tiga lelongan – Pembukaan Semula MGS 7/35 10 tahun, Pembukaan Semula MGII 5/45 20 tahun dan Pembukaan Semula MGS 6/31 5 tahun. Bon Malaysia menerima aliran masuk asing bersih baharu pada akhir tahun 2025, yang membalikkan aliran keluar sebelumnya, disokong oleh kestabilan asas dan ringgit yang lebih kukuh, lantas ia semakin dilihat sebagai mata wang bawaan berkualiti tinggi dan, bersama-sama dengan profil kredit Malaysia yang kukuh, mungkin akan mengekalkan permintaan asing sehingga tahun 2026.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana menyajikan pulangan 1.15% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras 1.22% dengan perbezaan 0.07%. Prestasi yang lebih rendah pada bulan Januari adalah terutamanya disebabkan oleh prestasi bahagian ekuiti yang ketinggalan berbanding penanda arasnya.

Source / Sumber: Fund Commentary, January 2026, Eastspring AI-Wara' Investments Berhad, Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd. and UOB Asset Management (Malaysia) Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 January 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2026 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL